

03/07/1999

Mahathir tersentuh semangat penduduk Permatang Pauh

M Thilllinadan

KUBU kuat bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Permatang Pauh hampir 'robok' apabila kira-kira 25,000 penyokong Barisan Nasional (BN) menyerbu Sekolah Menengah Guar Perahu untuk menyambut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin. Guar Perahu, sebuah pekan Melayu yang kecil di kawasan Parlimen Permatang Pauh, tiba-tiba menjadi gemuruh, jalan rayanya yang sempit sesak sehingga kenderaan tidak boleh keluar masuk kira-kira tiga jam.

Ada yang terpaksa meletakkan kereta mereka sejauh dua atau tiga kilometer untuk berjalan kaki dalam keadaan hujan lebat untuk melihat dan mendengar amanat pemimpin mereka di sekolah itu. Ada yang terpaksa duduk dalam kereta dalam kesesakan untuk mendengar ucapannya melalui radio, termasuk beberapa wartawan yang tersangkut dalam kesesakan itu.

Sebelum Dr Mahathir dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, tiba kira-kira jam 5 petang, padang sekolah itu sudah penuh sesak. Mereka tidak menghiraukan hujan yang turun sejak awal petang, seolah-olah hujan itu suatu rahmat. Dr Mahathir sendiri begitu tersentuh dengan semangat dan keberanian yang ditunjukkan penduduk Permatang Pauh sehingga berkata: "Kesanggupan rakyat seperti ini memberangsangkan saya dan memberi semangat bagi meneruskan perjuangan untuk negara".

Beliau membuktikan dirinya insan biasa, apabila secara terbuka tanpa rasa segan mengaku mempunyai perasaan takut dan rasa terpencil ketika membuat sesuatu keputusan kerana bimbang ia tidak diterima rakyat. Bagaimanapun, selepas melihat semangat jitu yang ditunjukkan penyokong BN itu, Dr Mahathir berkata beliau sedar rakyat sentiasa menyokong dalam apa saja keputusan yang dibuatnya. Walaupun tidak memberi penjelasan lanjut, jelas sekali beliau memikirkan isu pemecatan Anwar kerana beliau ketika itu berdiri di kubu kuat bekas timbalannya itu.

Malah sepanjang 40 minit beliau berucap Perdana Menteri tidak sentuh langsung isu Anwar atau namanya, walaupun banyak orang sudah tentu kecewa khususnya yang datang mendengar penerangan terus daripada beliau mengenai isu itu. Tetapi daripada reaksi orang ramai yang bersorak dan bertepuk, jelas isu Anwar sudah mula hilang daripada fikiran mereka, yang difikirkan sekarang amanat baru daripada seorang Perdana Menteri.

Ada kemungkinan penyokong BN dan Umno berfikir sudah tiba masanya mereka bersatu tenaga semula untuk menghadapi pilihan raya akan datang, bagi memastikan BN terus mendapat majoriti dua pertiga. Ada pihak berkata lawatan Perdana Menteri ke Permatang Pauh kelmarin hanya untuk uji kekuatan beliau, disamping memberi penjelasan keadaan politik semasa.

Seorang pemimpin Umno dari bahagian Tasek Gelugor menyimpulkan: "Saya rasa Mahathir sudah lulus ujian besar. Dia berani turun walaupun tahu ini kubu KeADILan".

Ketua Penerangan Umno Pulau Pinang, Datuk Md Zain Omar, berkata semangat yang ditunjukkan penduduk Pulau Pinang, khususnya Permatang Pauh, ketika lawatan Perdana Menteri menunjukkan keyakinan dan kepercayaan mereka terhadap kepimpinan Dr Mahathir. "Kalau tak sokong Perdana Menteri, takkan begitu ramai yang sanggup dalam keadaan hujan lebat untuk melihat dan mendengar amanat beliau," tanyanya.

Ketua Penerangan Wanita Umno Pulau Pinang pula menyimpulkan lawatan Dr Mahathir menyatukan semula orang Melayu Pulau Pinang dan menjawab pelbagai tohmahan pembangkang, khususnya di Permatang Pauh. "Walaupun Permatang Pauh dikatakan kawasan sensitif, jelas sekali sambutan yang diberikan

kepada Perdana Menteri, mengagumkan," katanya.

Sebenarnya, daripada pandangan mata kasar orang luar, kesimpulan ketiga-tiga pemimpin Umno merangkumi satu maksud iaitu Dr Mahathir diterima sebagai pemimpin tertinggi Umno dan apa saja keputusannya diterima baik di semua peringkat.

Jelas sekali lawatan Dr Mahathir ke Pulau Pinang kali ini berjaya mengatasi sekatan psikologi yang dialami oleh ahli Umno negeri itu, khususnya sejak pemecatan Anwar. Banyak ahli yang serba salah. Ada yang keluar parti, ada juga yang mengkritik dari dalam parti. Banyak juga yang jadi tersepit dicelah kesetiaan kepada parti dan pemimpin yang disayangi mereka.

Bagaimanapun, seperti yang dikatakan Dr Mahathir: "Saya sudah terangkan isu pemecatan Anwar kepada pemimpin Umno Pulau Pinang, kini menjadi tanggungjawab mereka untuk turun ke padang dan memberi penjelasan yang sama kepada penyokong di peringkat akar umbi".

Adalah menjadi harapan Dr Mahathir selepas diberi penerangan, ahli Umno Pulau Pinang akan sedar dan kembali ke jalan benar untuk meneruskan semula perjuangan membela agama, bangsa dan nusa.

(END)